



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 8 OGOS 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KERAJAAN TELITI LAPORAN MYCC, NASIONAL, BH -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	POLIS MARIN CEKUP 85 NELAYAN VIETNAM CURI IKAN DI LAUT NEGARA, NEGARA, KOSMO -8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	85 NELAYAN VIETNAM DITAHAN, SINAR NEGERI, SH -29	
4.	85 NELAYAN VIETNAM CEROBH PERAIRAN DITAHAN, NASIONAL, BH -68	
5.	MEREKA TAK GENTAR, SETEMPAT, HM -24	
6.	18 NELAYAN ASING DIDENDA RM1J, SETEMPAT, HM -24	
7.	UMS-KOMUNITI TAMBISAN SEPAKAT PULIHARA PENYU, MEGA SAINS, UM -30	
8.	TEROKA HABITAT ASAL, PEMAKANAN PENYU, MEGA SAINS, UM -31	
9.	NELAYAN DIDENDA LEBIH RM1J, SINAR NEGERI, SH -32	
10.	90 BUAH BUBU NAGA DISITA, SINAR NEGERI, SH -33	
11.	CUBAAN SELUDUP SOSEJ BABI, SINAR NEGERI, SH -33	
12.	MAQIS RAMPAS HAIWAN KORBAN SELUDUP, NEGARA, KOSMO -17	
13.	LEMBU KORBAN RM15,000, NEGARA, KOSMO -17	
14.	DURIAN DAY TAWAR HARGA RM5 SEKILO, DALAM NEGERI, UM -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
15.	PERTANIAN KELOMPOK LEBIH TERJAMIN, MUKA SEPULUH, BH -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16.	LKIM, NEKMAT JAMIN BEKALAN Q' FISH CUKUP, NASIONAL, BH -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) / PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
17.	HARI PELADANG KETENGAH AGRO PELANCONGAN, EKONOMI, HAKAKAH -N28	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
18.	RAJA BUAH, NEGARA, KOSMO -4	LAIN-LAIN
19.	RUGI RM1 JUTA AKIBAT AIR TERCEMAR, NEGARA, KOSMO -16	
20.	KELANTAN PASTIKAN BEKALAN MAKANAN CUKUP, NEGERI, HAKAKAH -N13	
21.	17 PENTERNAK IKAN SANGKAR RUGI RM1 JUTA, DALAM NEGERI, UM -47	
22.	PALOH PUSAT PENGELUARAN JAGUNG MANIS, NEGERI, HAKAKAH -N12	
23.	PENTERNAK IKAN AIR TAWAR, SINAR NEGERI, SH -31	
24.	HAINAN DURIAN BEARS FRUIT, NATION, SIN CHEW DAILY -8	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	4



**Ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi sebelum tindakan dibuat.**

**Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

# Kerajaan teliti laporan MyCC

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneliti laporan berkaitan penyalahgunaan Permit Import (AP) kubis seperti dinyatakan dalam Kajian Pasaran Sektor Makanan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata kerajaan juga masih meneliti laporan lain yang menyentuh isu pertanian dalam kajian dilakukan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebelum dapat mengambil sebarang tindakan susulan.

"Ada beberapa perkara yang perlu diperhalusi sebelum tindakan dibuat. Namun, kami sambut baik semua pandangan dibang-

kitkan dalam kajian itu. Jika ada tindakan lanjut termasuk pembaharuan, kami akan umumkan nanti," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

MyCC dalam kajian itu mendapati wujud unsur penyalahgunaan AP untuk mengimport kubis bulat sehingga menimbulkan isu persaingan dan menyebabkan harga sayur meningkat.

Laporan itu menyatakan ada pengimport terpaksa menggunakan AP orang lain untuk membawa masuk kubis bulat sehingga menyebabkan harganya naik.

Sehubungan itu, MyCC mencadangkan pemantauan rapi ter-

hadap proses selepas pemberian AP bagi memastikan terdapat pilihan kepada pengguna dan mewujudkan harga yang kompetitif bagi kubis bulat di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Ismail Nasution berkata, beliau akan membentangkan hasil kajian MyCC kepada Jemaah Menteri untuk dibincangkan dan menentukan tindakan susulan perlu diambil.

Kajian itu membabitkan lima barangan terpilih iaitu kubis, sawi, daging lembu, ikan kembung dan susu formula bayi yang dijalankan sejak November 2018.



FISOL (depan) menunjukkan salah sebuah bot yang dirampas daripada nelayan Vietnam pada sidang akhbar di Kuantan semalam.

## Polis Marin cekup 85 nelayan Vietnam curi ikan di laut negara

KUANTAN - Tindakan 85 nelayan Vietnam menangkap ikan secara haram menggunakan enam buah bot di perairan negara mengundang padah apabila kesemuanya ditangkap Pasukan Polis Marin dalam Operasi Gelora Khas sejak 25 Julai lalu.

Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (Pasukan Gerakan Khas), Datuk Fisol Salleh berkata, kesemua mereka diberkas di perairan Pantai

Timur dari sempadan Malaysia-Thailand hingga perairan Pahang di Rompin.

Katanya, jumlah rampasan membabitkan nilai RM6 juta termasuk peralatan menangkap ikan.

"Semua lelaki yang ditahan itu terdiri daripada nelayan dan tekong Mereka ditahan di Lokap Berpusat Indera Mahkota untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, semua awak-awak serta tekong berkenaan kini diasiat mengikut Seksyen 15 dan Seksyen 16 Akta Perikanan 1985.

Menurut Fisol, operasi itu dilaksanakan bersama Jabatan Perikanan, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Gerakan Udara dan Pasukan 69 Komando.

"Kefirisan hasil laut negara kira-kira RM6 bilion setahun yang mana hasil itu dimanfaatkan oleh nelayan asing," katanya.



# 85 nelayan Vietnam ditahan

**Enam bot, peralatan dan hasil laut RM6.5 juta dirampas**

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN

**P**asukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Kuantan berjaya menahan 85 warga Vietnam termasuk tekong dan awak awak dalam Operasi Gelora Khas yang dilaksanakan selama 15 hari bermula 25 Julai lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam Polis Diraja Malaysia, Datuk Fisol Salleh berkata, operasi pesisiran sempadan Malaysia di Pantai Timur itu

turut merangkumi perairan Rompin, Pahang ke Takbai, Thailand. Menurutinya, menerusi tangkapan itu polis turut merampas enam bot dan peralatan serta hasil laut yang keseluruhannya bernilai RM6.5 juta.

"Kesemua mereka ditahan dalam enam tangkapan dan rampasan berasingan dengan kedudukan antara 38.2 batu nautika dari Kuala Pahang Pekan dan 103 batu nautika dari lokasi sama.

"Rampasan paling tinggi adalah dalam tangkapan kelima dan keenam yang dilakukan pada sekitar jam 1.30 dan 1.50 petang 27 Julai lalu. Nilai keseluruhan kedua-dua tangkapan itu ialah RM3 juta yang merangkumi nilai bot dan peralatan.

"Kesemua mereka yang ditahan diserahkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk didakwa di bawah Seksyen 15 dan 16



Fisol (dua dari kanan) melihat bot yang dirampas dalam Operasi Gelora Khas Siri 2.

Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dan memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dalam perkembangan lain, Fisol berkata, PPM memerlukan

kekuatan aset seperti bot yang lebih besar dengan kelengkapan komunikasi dalam usaha mempertingkatkan jangkauan operasi dan penguatkuasaan.

"Kita menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan tindakan tegas terhadap nelayan asing ini. Namun kita melihat tiba masanya kerajaan memberikan perhatian serius terhadap keperluan masa kini.

"Dengan bot yang lebih besar kita mampu pergi sehingga melebihi 100 batu nautika dari perairan. Lebih jauh dan lebih cepat serta mudah tangkap mereka yang meratah hasil laut negara.

"Walaupun berdepan dengan kekangan bot, tidak bermakna kita tidak berjaya melaksanakan operasi secara besar-besaran. Dengan bantuan pelbagai jabatan, tangkapan dan penguatkuasaan lebih hebat dapat dijayakan," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	68

# 85 nelayan Vietnam ceroboh perairan ditahan

Operasi Gelora Khas Siri 2 rampas hasil laut, peralatan bernilai RM6.5j

Oleh Muhamad Fairoz Azizan muhamadfairoz@bh.com.my

**Kuantan:** Pasukan Polis Marin Malaysia (PPM) bersama Jabatan Perikanan Pahang menahan 85 nelayan warga Vietnam dengan rampasan dianggarkan bernilai RM6.5 juta dalam Operasi Gelora Khas Siri 2 yang dijalankan sejak 25 Julai lalu.

Semua nelayan berusia antara 15 hingga 60 tahun itu ditahan dalam lingkungan 30 hingga 100 batu nautika dari perairan negara kerana menceroboh dan mencuri hasil laut.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Pasukan Gerakan Khas (PGK), Datuk Fisol Salleh, berkata pihaknya turut merampas peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan enam bot yang digunakan membabitkan nilai anggaran RM6.5 juta.

"Hasil maklumat risikan dan bantuan Jabatan Perikanan Pahang, mereka ditahan dalam lingkungan 30 hingga 100 batu nau-



**Fisol (tiga dari kanan) melihat bot nelayan Vietnam yang dirampas dalam Operasi Gelora Khas Siri 2 di Jeti Wilayah Tiga Pasukan Polis Marin, di Kuantan, semalam.**  
(Foto Zulkepli Osman /BH)

tika dari perairan negara.

"Semua nelayan warga Vietnam itu ditahan mengikut Seksyen 15 dan Seksyen 16 Akta Perikanan 1985," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Pasukan Polis Marin Wilayah 3, di sini, semalam.

Fisol berkata, operasi itu de-

ngan kekuatan 182 pegawai dan anggota termasuk Jabatan Perikanan Pahang, yang akan berakhir hari ini, memberi penekanan terhadap rondaan pencegahan serta penguatkuasaan.

Sementara itu, beliau berkata, walaupun ada kekangan aset bagi melaksanakan operasi secara efi-

sien, pihaknya tidak menjadikan ia penghalang untuk terus menjalankan rondaan.

"Sudah tentu kita mahukan lebih banyak bot tambahan bagi membantu operasi dalam intensiti tinggi supaya operasi seperti ini boleh dilakukan dengan lebih berkesan," katanya.



Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
azimfitri@hmetro.com.my

#### Kasutanan

**S**ekumpulan nelayan warga Vietnam dikesan masih ingkar dan seakan-akan tidak peduli penguatkuasaan undang-undang di negara ini apabila masih menceroboh perairan negara dan mengaut hasil laut secara bebas.

Tindakan tekong dan awak-awak yang membawa bot memasuki perairan negara menggambarkan mereka tidak bimbang dengan rondaan pihak berkuasa terutama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin Malaysia (PPM).

Bagaimanapun, aktiviti mereka dibanteras polis marin dan Jabatan Perikanan Pahang apabila enam bot bersama 85 tekong serta awak-awak ditahan dalam operasi khas bermula 25 Julai lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Pasukan Gerakan Khas (PGK) Datuk Fisol Salleh berkata, operasi Gelora Khas siri 2 yang dilakukan dengan kerjasama pasukan gerakan udara, komando VAT69 dan Pasukan Gerakan Am (PGA) itu menahan semua nelayan warga Vietnam berusia 15 hingga 60 tahun selepas menjalankan pemantauan di perairan negara.

"Kami merampas peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan bot mereka dalam operasi ini.

"Berdasarkan maklumat risikan dan bantuan diberi-



FISOL (kiri) meninjau bot nelayan Vietnam yang menceroboh perairan pantai timur.



FISOL (tengah, kanan) membulas tempat penyimpanan ikan dalam bot nelayan Vietnam yang ditahan dalam Operasi Gelora Khas, semalam.

kan Jabatan Perikanan Pahang, mereka ditahan dalam lingkungan 30 hingga 100 batu nautika dari perairan negara," katanya di Ibu Pe-

jabat Pasukan Polis Marin Wilayah 3 di sini, semalam.

Fisol berkata, nilai rampasan dianggarkan RM6.5 juta dan semua nelayan war-

ga Vietnam itu ditahan mengikut Seksyen 15 dan Seksyen 16 Akta Perikanan 1985.

Katanya, operasi dengan kekuatan 182 pegawai dan

anggota termasuk Jabatan Perikanan Pahang itu dijangka berakhir hari ini turut memberi penekanan kepada rondaan pencegahan serta

penguatkuasaan bagi kesalahannya pelanggaran Akta Perikanan 1985.

Sementara itu, katanya walaupun berdepan kekangan aset melaksanakan operasi secara cekap, pihaknya tidak menjadikan perkara itu alasan untuk tidak menjalankan rondaan.

"Jika tanya pada saya sudah tentu kami mahu lebih banyak bot tambahan yang boleh beroperasi dalam intensiti tinggi supaya operasi boleh dilakukan lebih berkesan," katanya.

**“ Kami merampas peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan bot mereka dalam operasi ini Fisol Salleh ”**

## 18 nelayan asing didenda RM1j



TEKONG serta 17 awak-awak Vietnam didakwa atas kesalahan menangkap ikan di perairan negara tanpa permit.

**Kasut Terengganu:** Tekong dan 17 awak-awak warga Vietnam didenda lebih RM1 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan menangkap ikan di perairan negara tanpa permit sah.

Hakim Azman Mustapha menjatuhkan hukuman berkenaan selepas semua tertuduh berusia antara 19 hingga 53 tahun itu mengaku salah selepas pertuduhan dibacakan dan diterjemahkan jurubahasa Vietnam.

Tertuduh, Le Minh Chau, 41, sebagai tekong dikenakan denda RM400,000 atau setahun penjara manakala 17 awak-awak masing-masing didenda RM40,000 atau enam bulan penjara.

Jika mereka gagal menjelaskan denda, mahkamah memerintahkan tempoh

penjara dikira dari tarikh jatuh hukum fakta hari ini dan selepas itu dirujuk ke Jabatan Imtigrasi untuk tindakan.

Mahkamah turut mengarahkan vesel, peralatan komunikasi dan navigasi beserta peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan laut seberat 24 tan dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Mengikut pertuduhan, mereka didapati menangkap ikan di perairan negara tanpa permit sah di atas bot pendaftar asing di 80.4 batu nautika perairan Kuala Terengganu jam 3.36 petang, 14 Mac lalu.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) yang boleh dihukum me-

ngikut Seksyen 25(a) akta sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksakan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Mohamad Afiq Taqjudin Roslan manakala semua tertuduh diwakili peguam bela Suhaimi Ismail.

Berdasarkan fakta kes, APMM menahan bot nelayan asing (Vietnam) yang dikesan menangkap ikan di kawasan terbahit.

Hasil pemeriksaan, ada 18 lelaki warga Vietnam termasuk seorang tekong yang tiada dokumen perjalanan sah di dalam bot terbahit.

Pemeriksaan turut menemui beberapa peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan di dalam bot.



# UMS-Komuniti Tambisan sepakat pulihara penyu



**N**ASIB sang penyu yang tidak menentu kelihatan akan berubah dengan usaha pelbagai pihak terutamanya penyelidik yang mahu memastikan kemنديannya. Terbaharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga sudah mengorak langkah dengan mengadakan program pemuliharaan.

Lebih menarik, program tersebut melibatkan komuniti setempat dalam usaha menjadikan kawasan program sebagai destinasi pelancong.

Kawasan yang dimaksudkan adalah Pulau Tambisan di Lahad Datu, Sabah yang dikenal pasti sebagai kawasan pemakanan penyu.

Menurut Penyelidik Penyu Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, Prof. Madya Dr. Juanita Joseph, teretusnya idea untuk membantu komuniti setempat dalam membangunkan Kampung Tambisan sebagai hab



SPESIES penyu agar dilepaskan ke laut. - GAMBAR IHSAN TAMBISAN ISLAND RESORT

pelancongan ekoran daripada perjumpaan pertama penyelidik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS dengan seorang penduduk asal di situ, Antin Sniek Ismail.

Menurutnya, Jun 2017 menjadi titik permulaan penglibatan UMS sebagai sebuah pusat pengajian tinggi di negeri berkenaan untuk sama-sama membangunkan Kampung Tambisan sebagai hab pelancongan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Menurutnya beberapa siri lawatan tapak dijalankan penyelidik FPEP bagi meninjau potensi Kampung Tambisan sebagai satu tarikan pelancongan baharu di negeri berkenaan.

Penyelidikan tersebut turut dibantu dua pensyarah FPEP, Dr. Tini Maizura Mohtar dan Rosle Mohidin yang masing-masing mempunyai kepakaran dalam pelancongan serta perniagaan kewangan dan statistik.

"Melihat akan potensi Kampung Tambisan untuk dibangunkan sebagai satu kawasan tarikan pelancongan baharu dan kawasan penyelidikan hidupan laut marin, maka pada Oktober 2017, surat niat (LOI) kerjasama

telah ditandatangani di antara FPEP, UMS dengan Tambisan Travel and Tours Sdn Bhd, ujamnya.

Syarikat pelancongan mewakili komuniti Kampung Tambisan dan MoU tersebut disaksikan oleh Setiausaha Politik, Jabatan Ketua Menteri Sabah pada masa itu Datuk Armani Mahiruddin.

Menurutnya selepas hampir setahun kajian permulaan dijalankan, pada September tahun lepas, UMS dan Tambisan Travel and Tour Sdn. Bhd. telah memeterai memorandum persefahaman (MoU).

MoU tersebut memberi fokus membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam meningkatkan taraf hidup komuniti Tambisan menerusi aktiviti pelancongan dan pemuliharaan alam semula jadi terutama sekali hidupan marin seperti penyu.

Menurut Dr. Juanita lagi, kesungguhan UMS dalam usaha membangunkan Kampung Tambisan sebagai



DR JUANITA JOSEPH menjalankan penyelidikan mengenai pemuliharaan penyu.



DR JUANITA JOSEPH (dua, kanan) memeriksa tahap kesihatan dan mengambil sampel darah penyu di Pulau Tambisan.





PENYU agar yang ditemukan di Pulau Tambisan dari Filipina.

hab pelancongan berasaskan komuniti dan pusat penyelidikan penyu mendapat sokongan penuh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Assafal P. Alian dan juga Lembaga Pelancongan Sabah (STB).

Pada 3 Oktober tahun lalu, satu siri lawatan ke Kampung Tambisan diadakan bersama Dr. Juanita.

Antara pemerhatian yang dikenal pasti dalam misi empat hari itu adalah potensi Tambisan sebagai kawasan pembiakan rumput laut (*sea grass*) yang merupakan sumber makanan penyu terdapat di kawasan laut Kg. Pulau Tambisan.

Maka satu program diadakan pada 28 Mac hingga 31 Mac lalu melibatkan UMS dengan kerjasama Celcom Timur Sabah (CTS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) bertujuan mendekati masyarakat dalam usaha membangunkan sosio ekonomi penduduk setempat.

Menerusi Program Sukarelawan *Save the Turtle* dan kempen komuniti yang diadakan di pulau berkenaan ia menggabungkan pelbagai pihak melibatkan komuniti, pelajar sekolah dan industri.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut adalah misi menyelamat serta melepaskan penyu yang terperangkap di dalam kelong, aktiviti kemasyarakatan bersama penduduk kampung, aktiviti pembersihan pantai bersama pelajar sekolah dan aktiviti menceriakan sekolah.

Sepanjang tempoh aktiviti, CTS berhasrat membantu untuk menaik taraf kemucahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sekolah yang agak ketinggalan.

Usaha sedemikian dilihat memberi impak yang sangat tinggi kepada masyarakat setempat, terutama sekali kawasan pendalaman yang serba kekurangan.

■ **ESOK:** Nasib penyu di mata MNS

## Teroka habitat asal, pemakanan penyu

**S**ALAH satu cara nelayan tempatan di Pulau Tambisan menangkap ikan adalah dengan menggunakan kelong. Menurut nelayan, apabila mengangkat pukal di kelong, mereka dapati terdapat penyu yang terperangkap. Biasanya akan kelihatan antara tiga hingga 10 ekor yang terperangkap.

Nelayan biasanya mengangkat pukal di kelong sekali dalam dua hingga lima hari. Ikan-ikan akan diambil dan semua penyu akan dilepaskan.

Terdapat juga penyu yang dilaporkan mempunyai tag (penanda) daripada Taman Pulau-Pulau Penyu, Sabah dan Filipina.

Dalam pada itu, beberapa usaha penyelidikan genetik dan kesihatan penyu dijalankan pada tahun lalu dan tahun ini oleh penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pada Oktober lalu, menerusi program *Turtle survey 1*, didapati jumlah penyu yang dijumpai adalah sembilan ekor penyu agar iaitu penyu juvenil, dua jantan dewasa, dan tiga betina dewasa.

Pada Mac tahun ini, menerusi *Turtle survey 2*, didapati penyu yang dijumpai di dalam kelong adalah empat ekor penyu agar iaitu seekor penyu dewasa dan tiga ekor juvenile. Penyu juvenil adalah penyu yang mempunyai panjang karapas berukuran kurang dari 65 sentimeter (sm).

Menurut beliau, pihaknya akan mengambil sampel darah setiap penyu tersebut bagi tujuan penyelidikan genetik dan kesihatan.

Penyelidikan genetik penting bagi menentukan lokasi pantai ia ditetaskan (*natal beach*).

Penyu secara biologi akan kembali ke pantai lokasi ia ditetaskan apabila ia matang untuk bertelur atau mengawan. Penyu spesies agar matang dalam tempoh antara 20 hingga 50 tahun.

Menurut, Tambisan adalah salah satu kawasan pemakanan penyu yang penting di Laut Sulu. Ini terbukti dengan adanya penyu dalam beberapa saiz juvenil, juvenil besar dan dewasa.

"Ada juga penyu dewasa yang mempunyai penanda pada kaki siripnya. Ini bermakna penyu tersebut telah bertelur dan telah ditanda.

Bila selesai bertelur penyu akan kembali semula ke kawasan pemakanan," ujarnya.



Penyu menghabiskan kebanyakan masanya di kawasan pemakanan dan apabila matang akan balik ke pantai ia ditetaskan untuk bertelur.

Penyu matang tidak bertelur setiap tahun. Ia hanya bertelur sekali dalam dua atau lima tahun. Semua bergantung pada makanan yang terdapat di kawasan pemakanan.

Terdapat dua spesies penyu di kawasan pemakanan Tambisan iaitu penyu agar dan penyu karah.

"Kami telah membuat kajian di kawasan pulau Tambisan. Kawasan Tambisan mempunyai rumput laut yang sihat dan terumbu karang yang produktif. Selain itu terdapat juga kawasan paya bakau yang telah diwartakan sebagai hutan simpan.

"Semua ekosistem marin ini adalah sesuai sebagai kawasan pemakanan penyu.

Maka tidak hairanlah terdapat banyak penyu makan di kawasan Pulau Tambisan.

"Menerusi penanda yang dilihat daripada data diperolehi daripada Tambisan Island Lodge, penyu tersebut telah ditanda di Taman Pulau-pulau Penyu, Sandakan dan Philippines Turtle Islands," ujar Juanita.

Menerusi penyelidikan pemancar satelit yang dijalankan oleh penyelidik Thailand, Pulau Redang dan Sarawak sebelum ini, mendapati beberapa penyu berhijrah dari kawasan bertelur (bersarang) ke Pulau Tambisan.

“

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program itu ialah misi menyelamat serta melepaskan penyu yang terperangkap di dalam kelong

ini.

"Penyelidikan ini adalah penting terutamanya dalam menangani masalah pembunuhan penyu di kawasan pemakanan di perairan Sabah. Kebanyakan aktiviti ini dipercayai dibuat oleh nelayan asing yang masuk menceroabah dalam perairan Sabah," ujar beliau.

Dalam pada itu beliau memberitahu, oleh kerana Kampung Tambisan bukan kawasan taman laut, maka aktiviti perikanan yang tidak terkawal kemungkinan akan membunuh penyu.

Sebagai contoh semasa aktiviti pukal tunda, penyu mungkin akan tertangkap dan lemas. Buat masa sekarang, tiada undang-undang untuk menjaga kawasan pemakanan penyu di Tambisan.

Justeru katanya, penyelidikan marin terperinci perlu dilaksanakan di Pulau Tambisan untuk mengetahui ekosistem marin di pulau ini manakala penyelidikan mengenai kesan kelong pada penyu perlu dibuat bagi mengetahui kesan menangkap ikan kepada penyu.

Beliau berharap perlunya mengadakan program kesedaran marin dan penyu di kawasan tersebut supaya penduduk tempatan akan lebih tahu dan faham mengenai pemuliharaan penyu, serta akan sama-sama menjaga dan melindungi penyu di kawasan Pulau Tambisan.

Begitu juga dengan masalah sampah iaitu usaha pembersihan pantai dan pengurusan sisa buangan perlu dilakukan.

Mengenai perancangan masa depan beliau berkata, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) dan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), akan meneruskan program khidmat masyarakat dan kempen kesedaran marin kepada penduduk di Pulau Tambisan.

Malah sedang berbincang bagi mewujudkan stesen penyelidikan marin akan diwujudkan di Pulau Tambisan.

Dalam masa sama, pemantauan dan penyelidikan penyu akan diteruskan. Selain itu, IPMB akan membuat penyelidikan rumput laut dan terumbu karang serta kualiti air di sekitar Tambisan.

"Menerusi soal selidik dengan penduduk tempatan, kawasan pantai Tambisan juga merupakan tempat penyu bertelur. Kami akan membuat kajian pantai-pantai di Tambisan untuk melihat samada terdapat persarangan penyu," ujarnya.



# Nelayan didenda lebih RM1j

**Tangkap ikan di perairan negara tanpa permit sah**

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Seorang tekong dan 17 kru nelayan warga asing didenda lebih RM1 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam atas kesalahan menangkap ikan di perairan negara tanpa permit sah.

Hiakim, Azman Mustapha menjatuhkan hukuman itu selepas kesemua mereka yang berusia antara 19 hingga 53 tahun dari Vietnam itu mengaku salah setelah pertuduhan diba-

cakan dan diterjemahkan oleh jurubahasa Vietnam. Tertuduh, Le Minh Chau, 41, sebagai tekong dikenakan denda sebanyak RM400,000 atau setahun penjara, manakala 17 kru yang lain masing-masing didenda RM40,000 atau enam bulan penjara.

Jika mereka gagal membayar denda terbabit, mahkamah memerintahkan tempoh penjara dikira daripada tarikh jatuh hukuman iaitu semalam dan dirujuk ke Jabatan Imigrasi untuk tindakan lanjut.

Mereka didapati menangkap ikan di perairan perikanan negara tanpa permit sah kira-kira jam 3.36 petang di atas vessel penangkapan ikan asing pada jarak 80.4 batu nautika perairan Kuala Tereng-



Seorang tekong dan 17 kru nelayan warga asing mengaku salah di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam kerana menangkap ikan tanpa permit sah.

ganu pada 14 Mac lalu. Susulan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan dituduh mengikut Seksyen 25(a) akta sama yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika disabitkan kesalahan an, tertuduh hendaklah didenda tidak melebihi RM1 juta setiap seorang dalam hal empunya atau nakhoda dan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap kru.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Agensi Penguatku-

perairan Perikanan Malaysia iaitu 80.4 batu nautika dari Perairan Kuala Terengganu, kira-kira jam 3.36 petang 14 Mac lalu.

Hasil pemeriksaan dijalankan, terdapat 18 lelaki antaranya seorang tekong yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah dan beberapa peralatan menangkap ikan.

Kesemua tertuduh kemudian ditahan dan peralatan serta hasil tangkapan ikan (telah dilelong oleh APM) sebanyak RM16,800 dirampas.

Mahkamah turut mengarahkan vessel, peralatan komunikasi dan navigasi, peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan laut seberat 24 tan dilucutkan hak kepada Kerajaan Malaysia.



# Cubaan seludup sosej babi

**Sebuah lori  
ditahan di ICQ  
Durian Burung**

NORJULIANA YAACOB

PADANG TERAP

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 100 kilogram (kg) sosej babi dari Thailand di Kompleks Kompleks Imigresen Kastam dan Kuarantin (ICQ) Durian Burung di sini Ahad lalu.

Pengarah Maqis Kedah, P Lily Rosalind berkata, pihaknya turut menahan sebuah lori kerana tiada dokumen sah.

Katanya, sosej itu cuba diseludup masuk ke Malaysia melalui pintu sempadan.

"Mengikut Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Akta



Antara sosej babi yang dirampas Maqis.

728), setiap kenderaan yang membawa barangan di bawah kawalan Akta Maqis memerlukan permit," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, penahanan bertujuan mengawal kemasukan produk babi dari negara yang berpenyakit dan penyebaran wabak African Swine Fever (ASF).

"Antara produk-produk yang berisiko dalam penulanan

virus ASF adalah seperti babi hidup; daging babi segar; daging babi sejuk beku serta produk babi proses.

"Penyeludupan masih berlaku meskipun larangan pengimportan daging babi dari China; Thailand; Vietnam; Poland dan Belgium telah dikeluarkan oleh kerajaan," katanya.

Lily berkata, keadaan ini boleh menyebabkan pihak ke-

rajaan menanggung kerugian yang tinggi jika penyakit ini tidak dikawal dan boleh mengancam industri ternakan babi di Malaysia.

"Produk babi tersebut akan ditahan dan syarikat pengimport bakal dikenakan kompaun.

"Kegagalan mematuhi peraturan import boleh dikenakan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Perkompaunan Kesalahan) 2019," katanya.

Lily berkata, perbuatan mengimport sesuatu barangan tanpa permit yang sah adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (AKTA 728) yang boleh dihukum di bawah seksyen 11(3) dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

## Patah kaki terjun dari tingkat 3

IPOH - Seorang lelaki Pakistan patah pergelangan kaki kiri apabila terjun dari tingkat tiga sebuah bangunan kediaman di Ipoh ketika cuba melarikan diri daripada dicekup Jabatan Imigresen Malaysia Perak kelmarin.

Pengarah Imigresen Perak, Karnalludin Ismail berkata, mangsa yang berumur 25 tahun merupakan seorang daripada 21 warga asing yang diberkas dalam operasi bersepadu itu.

Menurutnya, operasi bermula 2 petang dan berakhir 7 malam di 11 lokasi itu membabitkan 10 pegawai dan 70 individu pelbagai warganegara diperiksa.

"Lokasi melibatkan pondok keselamatan, premis kediaman, bangunan kedai dan pusat refleksiologi hasil maklumat orang ramai dan risikan Jabatan Imigresen Perak.

"Menurut maklumat awal yang diterima, lokasi-lokasi ini disyaki menggaji warga asing tanpa pas sah.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 21 orang yang



Warga asing patah kaki selepas cuba melarikan diri daripada dicekup semalam.

ditahan melibatkan lima lelaki warganegara Bangladesh, seorang lelaki dan empat wanita warganegara Indonesia, dua lelaki dan seorang wanita warganegara Myanmar serta lapan lelaki warganegara Pakistan.

"Kesemua mereka yang ditahan berusia di antara 21 tahun hingga 52 tahun," katanya.

## 90 buah bubu naga disita

SITIAWAN - Jabatan Perikanan Perak menyita sebanyak 90 bubu naga yang ditemui di Jeti Nelayan Pantai Remis kelmarin.

Ketua Pangkalan Utama Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Aceh, Mansor Yobe berkata, pihaknya menerima aduan daripada Fishcom Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Putrajaya mengenai aktiviti bubu naga.

Menurutnya, empat anggota ke kawasan Pantai Remis pada jam 9.30 pagi untuk pemeriksaan.

"Setiba di lokasi Jeti Nelayan Pantai Remis, anggota menemui 90 buah bubu naga di atas tiga sampan tidak bernombor yang diikat di jeti tanpa pemilik sampan.

"Kesemua bubu naga yang berukuran enam meter itu disita mengikut Seksyen 49 Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan kepada media semalam.

Mansor berkata, nilai sitaan dianggarkan berjumlah RM7,200 dan peralatan bubu naga yang disita disiasat mengikut Seksyen 11(3) (c) Akta Perikanan 1985.



Bubu naga yang ditemui di dalam sampan yang tiada pemilik disita Jabatan Perikanan Perak.



## Baka American Brahman jadi pilihan kerana daging Lembu korban RM15,000

Oleh YATIMIN ABDULLAH

**R**ANTAU PANJANG – Lembu baka American Brahman yang bernilai RM15,000 menjadi pilihan untuk ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada Ahad ni.

Seorang penternak, Abdul Hakki Che Ahmad, 35, berkata, lembu jenis itu menjadi pilihan seorang pembeli disebabkan tekstur dagingnya yang lembut.

“Lembu baka ini mampu mencapai berat sekitar 800 kilogram (kg) dan sebab itu jugalah ia menjadi pilihan walaupun harganya mencecah RM15,000 seekor,” katanya ketika ditemui di ladang lembu miliknya di Bukit Tuku, di sini semalam.

Beliau bagaimanapun memberitahu, hanya mempunyai seekor lembu jenis berkenaan untuk Aidiladha tahun ini.

“Selain American Brahman, lembu baka kacukan



ABDUL HAKKI menunjukkan lembu berharga RM15,000 yang sudah mempunyai pembeli ketika ditemui di Bukit Tuku, Rantau Panjang semalam.

seperti Indulbrazil turut menjadi pilihan,” katanya yang membekalkan lembu-lembu untuk bekalan daging ke seluruh negara mengikut permintaan.

Dalam pada itu, katanya,

lembu baka kacukan Kelantan-Kedah tetap mendapat permintaan tinggi kerana faktor harganya yang murah dan berpatutan antara RM3,000 hingga RM3,500.

Abdul Hakki memberitahu,

kebanyakan lembu yang dijual di ladangnya untuk Hari Raya Aidiladha mempunyai permit sah daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan.

## Maqis rampas haiwan korban seludup

**TUMPAT** – Sebanyak 16 ekor lembu bernilai RM44,000 yang cuba diseludup masuk menerusi pangkalan haram di sekitar kawasan ini berjaya dirampas oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan dalam satu serbuan pada 29 Julai lalu.

Kejayaan itu hasil kerjasama Maqis Kelantan dan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd. Azam Yahya berkata, operasi itu diadakan selepas mengambil kira permintaan terhadap haiwan itu yang



SEBAHAGIAN lembu yang berjaya dirampas ketika cuba diseludup melalui pangkalan haram di Tumpat semalam.

meningkat menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha pada Ahad ini.

“Hasil operasi tersebut kita merampas 16 ekor lembu bernilai RM44,000 yang

diseludup ke negeri ini melalui pangkalan haram dari negara jiran.

“Perbuatan mengimport lembu tanpa mempunyai permit import yang sah daripada Maqis menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.



## Durian Day tawar harga RM5 sekilo



ISHAK ISMAIL (tiga dari kiri) menunjukkan durian terbaik kepada pengunjung ketika melawat gerai jualan durian di Kuala Terengganu, semalam.

**KUALA TERENGGANU 7 Ogos** - Ribuan penggemar buah-buahan tempatan khususnya durian tidak melepaskan peluang menyerbu pekarangan Pejabat FAMA negeri di sini hari ini sempena pelancaran program *Durian Day* bermula pukul 8 pagi ini.

Para peminat raja buah itu kelihatan berada di lokasi lebih awal iaitu kira-kira pukul 7 pagi lagi bagi memastikan mereka tidak terlepas peluang menikmati harga buahan jauh lebih murah berbanding di pasaran.

Dianggarkan kira-kira 76 metrik tan pelbagai jenis buah termasuk kira-kira 40 metrik tan durian dijual di situ dan program *Jualan Anak Beranak*

tersebut ternyata mendapat yang sambutan cukup menggalakkan.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail. Yang hadir sama, Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Ishak melahirkan keterujaan dengan sambutan hangat daripada penggemar durian untuk merebut peluang membeli raja buah itu pada harga jauh lebih murah.

Beliau memberitahu, harga durian kampung yang dibawa dari Pahang, Kelantan, Johor dan Terengganu ditawarkan RM5 sekilogram berbanding

harga biasa RM15 sekilogram.

"Hari ini kita dapati sambutan sangat menggalakkan, seramai lapan usahawan jualan buah segar dan 15 usahawan produk berasaskan durian dan program kali kedua ini mendapat sambutan sangat luar biasa."

"Harga yang ditawarkan sangat murah iaitu RM5 sekilogram berbanding harga biasa RM15 sekilogram, kita kena ucap tahniah kepada usahawan-usahawan kita yang turut serta dan harga ini sangat murah kerana buah ini mereka (usahawan) bawa terus dari kebun," katanya.

Selain durian, turut dijual di situ antaranya manggis, duku Terengganu, dokong, cempedak dan rambutan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2019	BERITA HARIAN	MUKA SEPULUH	10

## Pertanian kelompok lebih terjamin

**Idea** menyatukan tanah pertanian termasuk sawah padi sudah kerap kita dengar, namun pelaksanaannya sehingga ke hari ini masih belum benar-benar serius. Kalau ada pun mungkin projek estet padi digerakkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sejak 2011. Justeru langkah terbaru MADA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk melaksanakan dasar penyatuan tanah sawah bagi meningkatkan pendapatan pesawah harus disambut positif.

Bercakap mengenai dasar ini, ia bukan sekadar untuk menggabungkan tanah sawah. Sebaliknya membabitkan skop lebih luas untuk memajukan tanah ke arah projek pertanian berskala besar. Melaluinya pengurusan lebih terancang dan sistematik, agar sasaran meminimumkan kos operasi dan memaksimumkan pengeluaran sehektar dapat dicapai.

Projek estet padi MADA contohnya disertai kira-kira 15,000 petani dengan keluasan 35,000 hektar sawah. Melaluinya kos mengusahakan sawah dapat dikurangkan sehingga 15 peratus, manakala hasil meningkat sebanyak 0.5 tan hingga satu tan bagi setiap hektar. Itu baru 30 peratus daripada keseluruhan tanah di bawah seliaan MADA.

Namun menyatukan tanah sahaja tidak mencukupi. Suntikan aspek teknologi dalam aktiviti pertanian menjadi satu kewajipan. Rasanya ramai pesawah masih mengimpikan sasaran hasil 10 tan sehektar yang masih jauh untuk dicapai. Atau mungkin boleh digerakkan kajian dan pembangunan (R&D) agar padi dapat ditanam dan mengeluarkan hasil sepanjang masa, bukannya bermusim.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

## LKIM, NEKMAT jamin bekalan Q'Fish cukup

Kuala Lumpur: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) memberi jaminan akan memastikan penghasilan bekalan pelbagai jenis ikan sejuk beku atau Q'Fish ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya dapat memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang.

Dalam usaha ke arah itu, kedua-dua agensi itu berharap kerajaan membantu dari segi peruntukan dana untuk menambah kuantiti mesin pembeku *Individual Quick Frozen (IQF)* supaya dapat digunakan secara meluas bagi penghasilan Q'Fish secara besar-besaran.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata jika kerajaan dapat menyalurkan dana tambahan untuk membeli mesin IQF, pihaknya berupaya memanfaatkan mesin itu untuk menghasilkan lebih banyak Q'Fish bagi memenuhi permintaan pengguna pada masa akan datang.

Beliau berkata, ketika ini LKIM boleh menghasilkan kira-kira 25 tan Q'Fish sebulan menggunakan dua mesin IQF masing-masing pusat pengumpulan dan pedaran ikan di Kuala Kedah, Kedah dan Kuala Besut, Terengganu.

"Namun, semua ini bergantung pada musim. Ada musim dapat hasil banyak, ada musim kurang.

"Kami sekarang sedaya upaya untuk pasti bekalan ikan mencukupi dan tidak putus. Baru-baru ini kita lancarkan laman e-sawang jualan. Langkah ini dapat memendekkan rantaian bekalan untuk memberikan harga lebih berpatutan kepada pengguna.

"Ketika ini, LKIM sedang meningkatkan produktiviti pasaran nelayan. Insha Allah tahun ini kita akan tambah lima lagi pasaran baharu dan 23 lagi sedang dibaik pulih.

"Apa yang kami lakukan ini adalah kaedah untuk tambah saluran supaya pengguna boleh dapatkan ikan segar dan pada harga berpatutan secara terus," katanya ketika dihubungi BH.

Pengerusi NEKMAT, Abdul Hamid Bahari pula berkata, pihaknya menyambut baik cadangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) supaya meningkatkan bekalan Q'Fish serta mempelbagaikan produk untuk pasaran tempatan berikutan harga semasa yang tinggi.

Oleh itu, beliau berkata, NEKMAT merancang menghasilkan Q'Fish dalam skala yang besar dan dijual secara dalam talian.

"Anggaran Q'Fish yang boleh kami hasilkan sekarang dalam lingkungan 200 hingga 300 tan metrik. Jika banyak jumlah ikan kita peroleh, lagi banyak boleh dihasilkan atau jadikan stok," katanya.



# Hari Peladang ketengah agro pelancongan

Oleh ASLANI M

**PASIR PUTEH:** Biar pun pertama kali dianjurkan di luar Kota Bharu, namun Hari Peladang, Penternakan dan Nelayan tetap mendapat sambutan menggalakkan.

Sebelum ini program dwitahunan itu diadakan di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad Ke IV dan Padang Perdana di Kota Bharu.

Tahun ini ada kelainan. Ia secara tidak langsung dapat memperkenalkan Pantai Bisikan Bayu dan Taman Rehlah yang pernah popular sebelum ini.

Program berkenaan diadakan pada 31 Julai hingga 4 Ogos lepas.

Pelbagai program menarik diadakan termasuk jualan anak pokok buahan dan bunga, pertandingan memancing, mewarna, sepakan penalti pantai, hasil pertanian, produk industri asas tani, ikan cantik, lembu NAIMBif, ternakan kambing dan bebiri.



Ubi kayu gergasi menjadi landkap menarik.

Selain itu pertandingan beruk pulas 'nyor', 'explorace', burung budgie pertandingan 'igak' anak itik, arnab cantik, ayam sorak dan kambing jangkok.

Turut diadakan pameran jabatan dan agensi kerajaan, pameran ikan kerapu gergasi, pameran persenjataan Melayu, demonstrasi

serta seminar, persembahan dikir barat, buskers dan wayang kulit.

Tidak ketinggalan juga forum perdana ehwal Islam, sukan rakyat, fun ride dan pesta makan durian. Perasmian Hari Peladang disempurnakan Menteri Besar Ustaz Dato' Ahmad Yakob pada hari Khamis.

Sambutan luar biasa dapat dilihat apabila kesesakan teruk berlaku pada petang Jumaat dan Sabtu. Petang Jumaat kesesakan memanjang sehingga ke jambatan Tok Bali.

Kejayaan itu memberi ruang sambutan serupa boleh diadakan di tempat-tempat lain pada masa akan datang. Ia menentang konsep agro pelancongan.

Sambutan Hari Peladang di Kelantan menentang tema 'Kelantan Jelapang Makanan Negara - Bertani Satu Ibadah' di samping mencekuk Gerakan Pertanian Al-



Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail menyampaikan hadiah pertandingan kambing jangkok.



Sayur-sayuran ditanam menggunakan keedah hidroponik.

Falah.

Taman Rehlah tempat berlangsung ekspo terbabit pernah menjadi tumpuan perkhemahan pelajar. Sebelum ini terdapat bangunan asrama, chalet dan dewan

makan.

Namun malangnya ia terbjar sehingga sebahagian strukturnya runtuh. Setidak-tidaknya sambutan Hari Peladang di situ menjadi titik tolak bagi mem-

bolehkan ia dijenamakan semula.

Lebih-lebih lagi Taman Rehlah terletak bersebelahan Tok Aman Resort yang bertaraf bintang di Pantai Bisikan Bayu.



Lembu paling mahal dipamerkan dengan harga RM25,000.



Pelbagai jenis anak pokok buah-buahan dan hasan dipamerkan.



Kerbau belau menarik perhatian orang ramai.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/8/2019	KOSMO	NEGARA	4



## **RAJA BUAH**

**PENGUNJUNG** menunjukkan buah durian yang dijual pada harga serendah RM5 sekilogram pada Jualan 'Durian Day' di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri, Kuala Terengganu semalam.



Puluhan ribu ikan siakap, kerapu mati sejak dua minggu lalu

# Rugi RM1 juta akibat air tercemar

Oleh KAMARUDIN HAMZAH

**B**ESUT – Pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Cawat, Kuala Besut dekat sini menanggung kerugian hampir RM1 juta selepas ribuan ikan yang dipelihara mati sejak dua minggu lalu.

Kumpulan 17 pengusaha terabit mendakwa ikan daripada spesies kerapu hibrid, siakap dan tilapia mati disebabkan air tercemar yang berpunca daripada pada aktiviti pertanian di Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka tidak jauh dari kolam ternakan mereka.

Seorang pengusaha, Norizan Che Mohd. Nor, 37, mendakwa, setakat ini dianggarkan 5,000 ekor ikan siakap, manakala ikan kerapu hibrid dan tilapia masing-masing 3,000 ekor telah mati dengan kerugian ditanggung lebih RM100,000.

Dakwanya, ikan tersebut mati



NORIZAN

dipercayai berpunca daripada air buangan yang mengandungi sisa racun dari kawasan Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka yang mengalir masuk ke Sungai Cawat iaitu lokasi sangkar ternakan mereka.

“Kebimbangan tentang isu ini sebenarnya telah dibangkitkan sejak Mac lalu dengan agensi kerajaan negeri terlibat berjarji untuk membina pintu air bagi mengalang sisa buangan kawasan penanaman padi itu mengalir ke sangkar ternakan kami.

“Malangnya sehingga kini jarji itu (membina pintu air) tidak dipenuhi. Sebelum Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka dimajukan, tidak pernah berlaku kes pencemaran air sejak kolam ternakan ini diusahakan kami puluhan tahun lalu,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Seorang lagi pengusaha, Ibrahim Musa, 61, mendakwa, pencemaran tersebut menyebabkan sekurang-kurangnya 50 ekor ikan daripada spesies kerapu hibrid, siakap dan tilapia di dalam kolam ternakannya mati setiap hari sejak dua minggu lalu.

“Sebanyak 10,000 ikan tilapia dan siakap (5,000 ekor) bernilai lebih RM60,000 di kolam ternakan saya yang sepatutnya sudah boleh dipasarkan seminggu selepas sambutan Hari Raya Aidiladha mati begitu sahaja.

“Tidak pernah saya alami kerugian sebesar ini sejak menusahakan kolam ternakan



NORIZAN sedang mengeluarkan ikan yang telah mati dalam kolam ternakannya di Sungai Cawat, Kuala Besut semalam.

ikan di Sungai Cawat enam tahun lalu,” dakwanya. Sehubungan itu, Ibrahim mendesak pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera mengatasi masalah terabit selain menunaikan jarji sebelum ini.



# Kelantan pastikan bekalan makanan cukup

MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**PASIR PUTIH:** Kelantan akan mewujudkan Taman Santuari Kelulut Darulnaim di Jeram Mengaji Dun Selising.

Taman santuari kelulut itu dibangunkan kerjasama Yayasan Amanah Tok Kenali dan Persatuan Darul Naim Entrepreneur of Stingless Bee Society (DRONESS).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani,

Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, projek itu menjadi repositori dan pusat perlindungan gerbang spesis kelulut Kelantan dan pusat pembiakan baka induk kelulut.

"Ia bagi memastikan ke-mandirian ekosistem dan menjadi pusat kajian penghasilan madu bertam-bahan untuk pertumbuhan berterusan produk dan

pengeluaran madu kelulut," katanya selepas merasmikan penutup Hari Peladang, Pen-temak dan Nelayan Kelantan 2019 di Pantai Bisikan Bayu di sini Abad Jelas.

Turut hadir Adam Jelawat Abdul Azziz Kadir dan Tim-balan Setiausaha Kerajaan merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Dato' Dr Tengku Mohamed Fazliharudean Teng-ku Fiesal.



Laman Jabatan Pertanian pada sambutan Hari Peladang.



Wakil agensi kerajaan menerima siji daripada anggota Exco.



Orang ramai hadir pada majlis penutup sambutan Hari Peladang.

Tuan Saripudin juga ber-kata, di lokasi sama akan dibangunkan ladang ternakan amab pedaging.

Katanya, di kawasan itu juga sekarang terdapat pro-jeK ternakan lembu tenusu al Falah.

"Kerajaan negeri melu-luskan sebanyak RM350,000 bagi pembangunan tiga pro-jeK tersebut bagi memastikan bekalan makanan tempatan mencukupi dan sentiasa me-ningkat.

"Tiga projek itu akan dibuat dalam masa terdekat yang juga dikenali sebagai Zon Agro Pelancongan se-bagai zon pertanian dan

pelancongan," ujarnya. Tuan Saripudin berkata, program berkenaan dikena-li Gerakan Pertanian al Falah sebagai kompenan Zon Agro Pelancongan.

Katanya usaha itu dilak-sanakan bagi merealisasi-kan agenda sebagai JelaPang Makanan Negara di bawah gagasan Bertani satu Ibadah.

Menurutnya juga pro-gram pembangunan ter-nakan lembu tenusu al Falah bagi membangunkan dan membaik pulh tapak projek ternakan tenusu sedia ada.

"Sebuah Ladang ter-nakan amab pedaging ber-sama pusat pembiakan dan

taman amab turut diba-ngunkan menerusi kerjasa-ma Persatuan Penternak Amab Pedaging Kelantan dan Yayasan Amanah Tok Kenali.

"Projek ini bertujuan untuk mewujudkan pusat pembiakan amab pedag-ing dan amab binaan selain menjadikan pusat kajian pengeluaran dan pemban-gunan produk hiliran am-ab," tambahnya.

Selain itu ia akan dijadi-kan taman agropelancon-gan untuk pendidikan ko-muniti kelestarian alan sekitar dan penjaanaan eko-nomi setempat.



8/8/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

47

## 17 penternak ikan sangkar rugi RM1 juta

**BESUT 7 Ogos** - Seramai 17 penternak ikan sangkar di Sungai Cawat Kuala Besut, dekat sini kerugian RM1 juta apabila ternakan mereka mati dipercayai berpunca dari sumber air yang tercemar akibat aktiviti pertanian sejak dua minggu lalu.

Mereka hampir berputus asa meneruskan ternakan itu apabila setiap hari tidak lebih daripada 50 ekor ikan jenis kerapu hibrid, siakap dan tilapia merah serta hitam mati dan terapung di dalam sangkar.

Lebih memilukan, sepatutnya ikan-ikan itu dijual kepada pemborong kira-kira seminggu selepas Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi namun menjadi mangsa pencemaran berpunca dari air buangan aktiviti pertanian penanaman padi di kawasan Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka tidak jauh dari situ.

Air buangan termasuk sisa racun yang digunakan oleh petani kemudian mengalir masuk ke Sungai Cawat yang dipenuhi sangkar milik yang diusahakan oleh penduduk sekitar sejak berpuluh tahun lalu.

Seorang penternak, **Norizan Che Mohd. Nor**, 37, berkata, setakat ini dia mengalami

kerugian kira-kira RM100,000 apabila 3,000 ekor ikan kerapu hibrid, 5,000 ekor siakap dan 3,000 ikan tilapia mati sejak dua minggu lalu.

Katanya, setiap pagi dia mengeluarkan tidak kurang daripada 50 ekor ikan yang mati terapung dari sangkar dan agak menyedihkan apabila melihat ikan itu sepatutnya sudah boleh dijual dan menjadi sumber pendapatan sekeluarga.

"Kami tidak ada sumber lain sebagai pendapatan untuk menyara keluarga dan jika diambil kira modal yang dikeluarkan maka kerugian yang terpaksa kami tanggung lebih besar lagi," ujarinya.

**Hasyim Yunus** pula berkata, daripada 2,300 ekor ikan kerapu hibrid, sebanyak 900 ekor daripadanya didapati mati yang mengakibatkan kerugian kira-kira RM17,000.

Jelasnya, 1,300 ekor ikan kerapu dan 1,200 ekor ikan tilapianya juga mati membabitkan kerugian RM25,000.

Hasyim mengesa agar pihak berkuasa menyegerakan tindakan untuk mengatasi masalah tersebut daripada terus berlarutan.



**NORIZAN CHE MOHD. NOR** menunjukkan sebahagian ikan ternakan di sangkar yang mati akibat pencemaran sumber air di Sungai Cawat Kuala Besut, Besut, Terengganu, semalam. -UTUSAN/KAMARUDIN HAMZAH



# Paloh pusat pengeluaran jagung manis

Oleh  
**MUHAMMAD ARIF  
ISMAL**

**TANAH MERAH:** Kampung Paloh dekat sini akan dijadikan pusat pengeluaran jagung bagi meningkatkan sektor tersebut kepada tahap lebih baik.

Projek berkenaan diuruskan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanah Merah melibatkan 54 peserta di kawasan seluas 32 hektar.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Mohd Sallehuddin Hassan berkata, tahun ini sebanyak RM2.4 juta hasil projek penanaman jagung manis diraih petani di seluruh Kelantan.

Katanya daripada jumlah itu sebanyak RM960,000 disumbangkan projek jagung manis di Kampung Paloh.

Sehubungan itu kata beliau pihaknya berhasrat menjadikan lokasi yang terletak di lembangan Sungai Kelantan itu sebagai pusat pengeluaran jagung utama.

"Kita mahu melihat penglibatan anak-anak muda bagi memastikan usaha ini dapat dilaksanakan. Selain itu meninjau tanah baru di kawasan berhampiran.

"Kita juga merancang untuk mengkomersilkan pengeluaran hasil tanaman jagung untuk dijadi-



**Kementerian Pertanian mahu mempopularkan jagung manis di Paloh.**



**Mohd Sallehuddin Hassan bersama Abdul Fattah Mahmood dan Mustapa Mohamed.**

kannya sebagai jus jagung bagi mengurangkan kerugian kepada petani," katanya ketika ditemui selepas merasmikan program projek jagung manis di Kampung Paloh di sini baru-baru ini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Panaú, Dato' Abdul Fattah Mahmood dan Adun Air Lanas Dato' Mustapa Mohamed.

Mohd Sallehuddin juga berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama

dengan kerajaan negeri serta menaik taraf sistem saluran sedia ada.

"Kita juga mengharapkan kerjasama kerajaan negeri dalam usaha membantu meluaskan lagi kawasan ini bagi mencapai hasrat menjadikan projek jagung manis berdaya maju," ujarnya.

Selain itu katanya usaha yang sama turut dilakukan agensi kerajaan bagi menjadikan jagung sebagai makanan ternakan yang mana sebelum ini diimport dari luar negara.



# Penternak ikan air tawar rugi

**Sisa racun sawah padi jejas ternakan**

MOHD TAHA YAACOB

BESUT

**S**eramai 17 penternak ikan dalam sangkar di Sungai Cawat, Kampung Seri Kemunting dekat Kuala Besut di sini berpuitih mata apabila banyak ternakan mereka mati.

Kerugian dialami hampir jutaan ringgit apabila ribuan ikan kerapu hibrid, siapak dan tilapia mati sejak dua minggu lalu.

Seorang penternak, Norizan Che Mohd Nor, 37, berkata, masalah itu dipercayai berpunca dari pada air buangan dari sa-



Norizan (kiri) mengutip bangkai ikan kerapu di sangkarnya sambil dibantu dua penternak lain yang mengalami nasib sama

wah di Skim Pengairan Padi Pengkalan Nangka masuk melalui Sungai Cawat mengalir melalui kawasan sangkar di tebing sungai sebelum ke Sungai Besut.

Menurutnya, dia keru-

gian melebihi RM100,000 apabila sebahagian daripada 11,000 ekor membabitkan tiga jenis ikan yang diternak sejak awal tahun ini mati setiap hari.

Katanya, ikan itu dijangka mula dipasarkan

akhir bulan ini sehingga pertengahan bulan September depan.

"Saya termak 3,000 ikan kerapu hibrid dan sudah lebih daripada separuh mati.

"Bayangkan harga see-



NORIZAN

kor ikan kerapu hibrid kami tolak kepada pemborong dengan harga RM40 seekor.

"Kami telah berbilang pada peringkat awal dulu dengan beberapa agensi berkaitan tentang kemungkinan akan berlaku kejadian seperti ini sekiranya langkah membina pintu sekatan air di sungai tidak disegerakan," katanya kepada pemberita ke-

tika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, air sisa buangan sawah akan mengalir keluar melalui dua laluan iaitu ke Sungai Besut dan Sungai Cawat.

Norizan berkata, kerajaan dirayu supaya mempertingkatkan bantuan kepada mereka bagi menamatkan projek ternakan yang beroperasi sejak lebih 30 tahun lalu.

"Kami juga merayu supaya pintu kawalan air sawah dibina segera bagi mengelak baki ikan yang ada terus mati," katanya.

Sementara itu, Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut, Azbi Salleh berkata, beliau telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20,000 untuk membina pintu kawalan air terletak berdekatan bulatan Kampung Lampu.



Headline	Hainan durian bears fruit		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	08 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	283 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,524
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,572



## 海南榴梿結果了

農業專家審慎樂觀



据中新社报道，海南“国产”榴梿入口口感软糯嫩滑，初觉清凉甜蜜，尔后有微微苦意，再后香甜绵绵，让人回味无穷。（中新社照片）

（海南，保亭7日中新电）“这是基地里刚摘下来不久的金枕头榴梿，你尝尝看好不好吃？”中国海南省保亭黎族苗族自治县的华盛红毛丹种植基地，负责人于德胜日前切开一个近8斤重的榴梿。

榴梿是原产自东南亚的知名热带水果，中国的海南、广东等地早前虽有种植试验，但未见有挂果生产的公开记录。

华盛红毛丹种植基地的榴梿种在道路两旁。“我这是无心插柳成荫。”

### 为“留恋”路谐音种榴梿树

于德胜说，2014年引种这批40余棵榴梿树，只是想取榴梿之谐音，把基地内的主干道称作“留恋”路。因而除了浇浇水，被当景观树种植的榴梿树没有受到特别对待。

“第二年、第三年都开花了但没结果。去年12月再开花后，今年2月发现挂果。”于德胜介绍，自今年5月开始，榴梿就进入了成熟期，基地内九成树都先后有结果，“今天切开的是最后一批”。

这“国产”榴梿闻起来隐隐有榴梿独有的特殊香味，入口口感软糯嫩滑，初觉清凉甜蜜，尔后有微微苦意，再后香甜绵绵，回味无穷。



海南省保亭华盛红毛丹种植基地负责人于德胜于2014年引种一批40余棵榴梿树，开花后2年都未开花，2月发现挂果，5月榴梿进入了成熟期，于德胜透露，基地内九成成树都先后有结果。（中新社照片）

“我们对海南种植榴梿保持审慎乐观。”6日在华盛红毛丹种植基地，海南省农业科学院热带果树研究所所长冯学杰带着技术专家，指导基地工人修剪榴梿树枝。

冯学杰认为，榴梿的种植区域、相关品种的适应性等问题均需要更多试种数据研究论证，在此之前不宜大面积推广。

### 吃便宜榴梿还需等三五年

“目前我们计划在保亭、三亚等地进行生产性试种，在琼海、澄迈等海南北部市县开展适应性试种。”冯学杰认为，即便试种成功，消费者要吃到便宜新鲜的海南产榴梿，可能还要耐心等三五年。

泰国“金枕头”、马来西亚“猫山王”……中国拥有巨大的榴梿消费市场。近期公开报道显示，在今年前4个月从泰国出口至中国的新鲜水果中，仅榴梿单种水果的出口总值就达4.18亿美元。

今年6月，马来西亚冷冻带壳猫山王品种的榴梿首次登陆中国。大马农业部长沙拉胡丁当时表示，向中国出口猫山王榴梿预计今后每年将为马来西亚带来至少5亿令吉收入。